

24 MAY 2002

MAHATHIR-BON/I

PM: PEMBELIAN BON LUBNAN MUNGKIN DIBUAT SELEPAS DIPERTIMBANGKAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia mungkin membeli sebahagian daripada terbitan bon euro Lubnan setelah mempertimbangkannya dengan teliti.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, telah diminta mengulas tentang laporan berita yang mengatakan bahawa Malaysia telah membeli bon dalam nilai euro.

"Ia (pembelian bon itu) bergantung kepada sama ada menurut kata Bank Negara (Malaysia) ia berbaloi atau tidak. Saya pasti mereka (pegawai-pegawai Bank Negara) akan membuat keputusan yang amat cermat mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang di sini, sekembalinya dari lawatannya ke Jepun dan Korea Selatan.

Beliau tidak menyentuh secara langsung laporan yang mengatakan bahawa Malaysia telah membeli bon bernilai AS\$250 juta daripada keseluruhan terbitan bon euro Lubnan bernilai AS\$1.0 bilion yang gagal menarik pelanggan semasa ia dilancarkan Mac lalu. Laporan itu memetik sumber kerajaan.

Menurut laporan itu, Malaysia membeli bon-bon tersebut selepas Perdana Menteri Lubnan, Rafiq Hariri, melawat Kuala Lumpur terdahulu dalam bulan ini.

Dr Mahathir pulang ke tanah air dari lawatan selama lima hari ke Jepun dan Korea Selatan, yang telah membantu memperkukuhkan hubungan Malaysia dengan kedua-dua negara itu.

Jepun dan Korea Selatan merupakan negara-negara yang dicontohi Malaysia semasa ia merumuskan Dasar Pandang Ke Timur. Kedua-duanya juga adalah antara pelabur dan rakan kongsi perdagangan utama Malaysia.

Rangka lawatan itu -- dua hari di Jepun dan tiga hari di Korea Selatan -- merupakan lawatan terbaru daripada beberapa lawatan ke luar negara yang dilakukan oleh Dr Mahathir tahun ini. Sebelum ini, beliau telah mengunjungi Presiden AS, George W. Bush, di Washington.

Salah satu daripada perkara yang menonjol dalam lawatan Perdana Menteri ke Jepun dan Korea ialah sokongan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung terhadap penubuhan Sekretariat Asean + 3 di Malaysia. -- BERNAMA

AFY MAD SHY KY OS